

**NO. SOALAN: 49**

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
[ SEPANG ]**

**TARIKH : 23 MAC 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [ Sepang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah Kerajaan akan meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (pindaan 1984) bagi memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah di negara ini melaksanakan undang-undang jenayah syariah mengikut undang-undang syarak yang sebenar sekali gus selaras dengan Indeks Syariah Malaysia yang dilancarkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini.**

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kerajaan menyedari had bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah adalah terhad kepada hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak

melebihi tiga tahun, denda yang tidak melebihi Ringgit Malaysia Lima Ribu dan sebatan yang tidak melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut berdasarkan seksyen 2 Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355].

Dalam hal ini, Kerajaan telah selesai meneliti cadangan pindaan kepada Akta 355 yang bertujuan untuk menambah bidang kuasa jenayah mahkamah Syariah yang sedia ada. Ia adalah selaras dengan cadangan untuk menaik taraf dan mewujudkan lima peringkat mahkamah Syariah di negara ini iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tengah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri dan Majlis Rayuan Syariah. Dalam masa yang sama, kedudukan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah juga akan disemak semula dan dinaiktaraf.

Di samping itu, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengadakan Konvensyen Undang-Undang Jenayah Syariah pada 11 Disember 2014 yang antara lainnya membincangkan isu, permasalahan dan cadangan penyelesaian berkaitan pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah dan memberi penjelasan tentang pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah kepada pihak-pihak berkepentingan.

Sekian, terima kasih.